

30 JAN 2003

MAHATHIR-FDI/I

MALAYSIA TIDAK BOLEH HARAPKAN FDI DARI AS

ALOR GAJAH, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini bahawa Malaysia tidak boleh banyak berharap kepada pelaburan langsung asing (FDI) dari Amerika Syarikat (AS) kerana pelabur-pelabur dari negara itu tidak mahu melabur walaupun di negara mereka sendiri.

"Kita tidak boleh mengharap juga mendapatkan jumlah pelaburan dari AS atau Eropah (ketika ini)," katanya ketika ditanya mengenai jangkaan FDI dari AS ke Malaysia.

Kelembapan ekonomi global dan kebimbangan berterusan terhadap ancaman serangan AS ke atas Iraq telah menyebabkan banyak syarikat-syarikat luar negara termasuk di AS dan Eropah menangguhkan pelaburan mereka.

"Kita terpaksa bergantung kepada pelabur-pelabur tempatan dan inilah yang kita galakkan di kalangan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang pengeluaran kereta ke-20 Honda di Kawasan Perindustrian Hicon Pegoh, di sini.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Malaysia tetap merupakan destinasi menarik bagi FDI dan pelaburan domestik tahun lalu, khususnya dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan.

Indeks pengeluaran industri sektor pembuatan meningkat 4.3 peratus dalam 11 bulan pertama tahun lalu.

MITI berkata, pelabur-pelabur asing sedia ada khususnya, tetap berminat untuk melabur serta memperluas dan mempelbagaikan lagi operasi mereka di negara ini ke arah pelaksanaan projek dan kegiatan nilai ditambah yang lebih tinggi, berlandaskan modal, berlandaskan kemahiran dan berteknologi lebih tinggi.

Pada tahun 2002, 63 peratus (RM11.8 billion) daripada pengaliran masuk FDI adalah ke dalam sektor pembuatan, baik projek baru mahupun projek peluasan dan pemelbagaian. Ia mencatat peningkatan sebanyak empat peratus dalam tahun 2001.

Bagi tahun sebelumnya, FDI masih tinggi dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), walaupun pada tahun 2002, pelaburan dalam sektor produk petroleum mencatat jumlah tertinggi, iaitu 40 peratus daripada keseluruhan FDI yang diterima. -- BERNAMA

WNZ MKO SD KY ZK